

# Peserta timba pengalaman tinggal dalam hutan

**KUALA PILAH** – “Saya teruja kerana berpeluang mempelajari hidup berdikari di dalam hutan yang selama ini hanya dilihat di kaca televisyen,” kata Nurul Izzah Huda Romli, 16, peserta Kem Bersepadu Sekolah Anak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Hutan Lipur Jeram Tengkek, baru-baru ini.

Pelajar Sekolah Agama Malaysia (SAM) Merap Luar Kajang itu berkata, kem berkenaan turut memberinya peluang mengenali rakan sebaya dari sekolah-sekolah lain.

“Saya diajar bagaimana untuk survive terutama di dalam hutan seperti memasak makanan di dalam buluh di

samping mempelajari cara-cara berenang yang merupakan salah satu sunnah Nabi Muhammad SAW.

“Ilmu ini amat berguna jika kita hendak berkhemah dan memasuki hutan. Sebelum ini saya tidak tahu bagaimana cara memasak menggunakan buluh tetapi selepas diberi pendedahan ia amat bermanfaat untuk diri saya,” katanya.

Nurul Izzah antara peserta kem yang julung kali dianjurkan badan beruniform Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) USIM dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Negeri Sembilan.

Sementara itu, menurut salah seorang anggota SISPA,



**NURUL IZZAH HUDA**

Nik Nur Shaheera Nik Man, program itu bertujuan menanam semangat patriotisme dalam kalangan pelajar selain memberi pendedahan terhadap jati diri dan ikhtiar hidup ketika berada di hutan.



**NIK NUR SHAHEERA**

“Walaupun saya boleh dianggap sebagai salah seorang tenaga pengajar di kem ini, namun dari sudut lain, ia seolah-oleh mengajar diri saya sendiri bagaimana mensyukuri nikmat ALLAH SWT,” katanya.



**Peserta Kem Bersepadu Sekolah Anak Angkat USIM didedahkan cara-cara menjalani latihan ikhtiar hidup di Hutan Lipur Jeram Tengkek.**